

D.R. 9/96

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1996. Tajuk ringkas.

2. Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda, dalam subseksyen 2(1) dengan memasukkan selepas takrif "individual" takrif yang berikut: Pindaan seksyen 2. Akta 53.

Act 533.

"Inland Revenue Board of Malaysia" means the Inland Revenue Board of Malaysia established under the Inland Revenue Board of Malaysia Act 1995;'

Pindaan
seksyen 136.

3. Seksyen 136 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (5) dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or any employee of the Inland Revenue Board of Malaysia";
- (b) dalam subseksyen (6) dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or an employee of the Inland Revenue Board of Malaysia"; dan
- (c) dalam subseksyen (8) dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or an employee of the Inland Revenue Board of Malaysia".

Pindaan
seksyen 137.

4. Subseksyen 137(2) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or an employee of the Inland Revenue Board of Malaysia".

Pindaan
seksyen 138.

5. Subseksyen 138(5) Akta ibu adalah dipinda dalam takrif "classified person"—

- (a) dengan memotong perkataan "or" yang terdapat di hujung perenggan (b);
- (b) dengan memasukkan perkataan "or" di hujung perenggan (c) dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:

"(d) any employee of the Inland Revenue Board of Malaysia;"

Pindaan
seksyen 144.

6. Seksyen 144 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "public officer" perkataan "or employee of the Inland Revenue Board of Malaysia".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 2(1) Akta untuk memasukkan takrif bagi ungkapan "Inland Revenue Board of Malaysia".
3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 136 Akta untuk membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mewakilkan fungsinya yang tertentu kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
4. *Fasal 4* bertujuan meminda subseksyen 137(2) Akta untuk memperuntukkan bahawa waran, kad pengenalan atau kad kuasa yang dikeluarkan kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia hendaklah dianggap benar.
5. *Fasal 5* bertujuan meminda takrif "classified person" dalam subseksyen 138(5) Akta supaya meliputi pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 144 Akta untuk membolehkan maklumat, penyata atau dokumen yang dikehendaki dikemukakan, dihantar atau dihantar-serah kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri dikemukakan, dihantar atau dihantar-serah kepada pekerja Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U²)1931.]